

## BAHAGIAN PELESENAN

### SYARAT-SYARAT AM BAGI KELULUSAN LESEN PUSAT / RUMAH SEMBELIH ( ABBATTOIR )

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>
1	Lokasi rumah sembelih hendaklah didalam kawasan perindustrian.
2	Lantai dan dinding bahagian dalam semua bilik, dewan dan tempat / ruang operasi rumah sembelih hendaklah disudahi bahan kalis air yang sempurna, senang dicuci dan berwarna ringan seperti seramik, keluli dan sebagainya serta dilengkapi dengan floor hardener.
3	Rumah sembelih hendaklah dilengkapi dengan sistem jalan yang sempurna, baik, kuat dan rata supaya air tidak bertakung.
4	Seluruh rumah sembelih hendaklah mempunyai sistem perparitan yang baik seperti longkang gerlis (glazed invert drains), keluli, ceramik (heavy duty) dan sebagainya serta cerunan parit yang sempurna supaya air kotor dapat mengalir dengan memuaskan ( self-cleansing ).
5	Mengadakan loji rawatan kumbahan rumah sembelih yang sempurna dan lengkap untuk rawatan segala air kotor seperti air najis, kencing, darah, lemak-lemak, sisa-sisa bangkai binatang, kelodak-kelodak dan sebagainya dengan memuaskan. Air kumbahan yang telah dirawat hendaklah mematuhi piawaian kualiti air yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar.
6	Bangkai dan sisa-sisa binatang yang berpenyakit dan rosak hendaklah dihapuskan dengan sempurna secara pembakaran ( incineration ) atau loji rendering di dalam kawasan rumah sembelih seperti yang diluluskan oleh MDKS.
7	Rumah sembelih hendaklah mempunyai sistem keselamatan dan pengawasan seperti pagar sekeliling dan pintu keluar-masuk kawalan serta lampu dan cermin keselamatan yang sempurna dan mencukupi ( security lighting and safety mirrors )
8	Mengambil segala langkah-langkah yang sempurna untuk memastikan rumah sembelih sentiasa bebas daripada penyakit berjangkit dan pemberian serangga, rodensia dan haiwan perosak ( pest and vermin control ) serta dilarang membawa masuk ke rumah sembelihan atau keluar daripadanya sebarang binatang atau bangkai dan sisa-sisanya yang boleh membawa penyakit berjangkit.
9	Mengadakan bekalan air dari Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) dan kuasa elektrik yang sempurna dan mencukupi termasuk dan kuasa elektrik kecemasan.
10	Seluruh rumah sembelih hendaklah sentiasa diselenggarakan dengan baik, bersih dan kemas serta tidak menghalang mana-mana laluan, perjalanan, parit, pintu keluar-masuk, tangga dan sebagainya.
11	Pekerja-pekerja rumah sembelihan hendaklah memakai pakaian yang seragam dan bersopan serta menggunakan alat-alat atau perkakas sembelihan yang sempurna, bersih, selamat dan diberikan "locker" atau tempat yang sesuai untuk simpanannya.
12	Memasang papan tanda larangan merokok, dilarang masuk tanpa urusan, utamakan keselamatan dan kebersihan dan waktu pembukaan dan tutup dan sebagainya yang diperlukan.
13	Mengambil dan merekodkan contoh-contoh segala air kumbahan rumah sembelih dan membuat analisa makmal dan salinan keputusannya dihantar kepada Unit Kesihatan Jabatan Pelesenan Dan Penguatkuasaan setiap minggu.

**LAMPIRAN 32**

BIL	PERKARA
14	Mengadakan kemudahan untuk kegunaan pekerja rumah sembelih seperti bilik rehat, latihan, kantin, surau, bilik rawatan perubatan dan sebagainya yang diperlukan.
15	Mengadakan kemudahan tandas dan bilik air yang sempurna dan mencukupi.
16	Tahap bunyi bising yang dibenarkan ialah 60 decibel yang tercatit di sempadan premis dan 40 decibel yang tercatit di dalam mana-mana bangunan.
17	Dilarang menjalankan industri atau perniagaan atau aktiviti lain yang tidak berkaitan dengan aktiviti rumah sembelih tanpa kebenaran secara bertulis daripada Jabatan Pelesenan Dan Penguatkuasaan.
18	Mengadakan pusat atau tempat pengumpulan dan pembuangan semua jenis sampah sarap secara berasingan yang sempurna dan mencukupi.